



UNTUK SIARAN SEGERA

AirAsia dinobatkan Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Tahunan di Anugerah Payload Asia 2016

SEPANG, 6 OKTOBER 2016 – AirAsia Kargo telah dinobatkan sebagai Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Tahunan untuk kategori '*Industry Choice*' dan '*Customer Choice*' di majlis Anugerah Payload 2016 yang berlangsung di Hong Kong baru-baru ini, menjadikannya kargo syarikat penerbangan paling popular di rantau ini yang diberi pengiktirafan bagi perkhidmatan cemerlang.

Bahagian Kargo Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia muncul sebagai pemenang dua kategori; *Customer Choice Awards* dan *Industry Choice Awards* menerusi proses pengundian yang diaudit secara berasingan yang mewakili pandangan dan keputusan daripada pelanggan, rakan niaga dan pembaca Payload Asia sambil dipilih oleh sebuah panel antarabangsa oleh pakar-pakar industri yang menganalisa dan memberi markah untuk pencalonan yang diterima.

Kapten Chin Nyok San, Ketua Kargo Kumpulan AirAsia berkata, "Kami amat teruja kerana dipilih sebagai yang terbaik oleh pelanggan dan pakar-pakar industri, dan pengiktirafan ini membuktikan kecemerlangan perkhidmatan kami. Rangkaian penerbangan kami yang luas merentasi Asia dan Australasia adalah kekuatan terbesar kami, tetapi yang benar-benar membezakan kami adalah kakitangan yang berdedikasi yang bekerja keras untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta dedikasi kami terhadap inovasi yang berterusan."

Anugerah Payload Asia 2016 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Payload Asia dan disokong oleh Logistics Insight Asia dalam meraikan kecemerlangan syarikat bekalan kargo udara yang menyinar dalam industri pasaran pengangkutan udara global yang amat mencabar. Anugerah tersebut meliputi lebih daripada 10 kategori. Untuk maklumat selanjutnya, layari <http://awards.payloadasia.com/>.

Untuk promosi dan aktiviti terkini AirAsia, sila layari (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

TAMAT



Mengenai Kumpulan AirAsia & AirAsia X

AirAsia & AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah peneraju dan terbesar di Asia, yang menawarkan perkhidmatan jaringan laluan meluas dengan lebih dari 120 destinasi di serata Asia, Australia, New Zealand, Afrika dan Timur Tengah. Sejak penubuhan AirAsia pada tahun 2001 dan AirAsia X pada tahun 2007, kumpulan ini telah membawa lebih dari 330 juta tetamu. AirAsia telah mengembang jumlah pesawatnya bermula dengan dua pesawat ke lebih dari 170 pesawat A320s dan berbangga menjadi syarikat penerbangan jati Asean (Association of Southeast Asian Nations) dengan penubuhan operasi di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, India dan Jepun. Sementara itu, AirAsia X beroperasi dengan 31 pesawat A330-300s, setiap satu dengan konfigurasi 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. AirAsia X telah berkembang di rantau ini dengan penubuhan Thai AirAsia X yang beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Don Mueang, Thailand dan Indonesia AirAsia X yang beroperasi dari Bali, Indonesia. Skytrax menamakan AirAsia sebagai "Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" bagi tahun kelapan berturut-turut dari tahun 2009 – 2016 dan menganugerahkan AirAsia X empat tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2016 dengan "Premium Kabin Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax. Kumpulan AirAsia & AirAsia X adalah syarikat penerbangan pertama di dunia yang berkerjasama bersama INTERPOL bagi mengimplementasikan sistem I-Checkit bagi mengimbas passport kesemua penumpang dengan informasi yang terdapat dalam pangkalan data Stolen and Lost Travel Documents (SLTD) badan polis dunia tersebut.

For media enquiries, please contact:

Qastury Jawawi

Communications

Mobile: +6019 609 8893

gasturyjawawi@airasia.com